

Mahasiswa UMSKAL diminta dalami pelbagai ilmu

UB 5.9.2019 5

LABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) untuk Sesi 2019/2020 diminta mendalami pelbagai ilmu agar hasrat menjadi insan yang berkualiti akan tercapai.

Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik amat gembira dan teruja menyambut kehadiran pelajar baharu ke kampus itu.

Beliau amat bersyukur kerana pelajar telah memilih UMSKAL yang indah dan tenang sebagai pusat pengajian tinggi sebelum memasuki alam pekerjaan yang diimpikan kelak.

Katanya, kehadiran pelajar ke pulau bebas cukai ini akan memberi impak yang sangat besar terutamanya kepada Wilayah Persekutuan Labuan seperti pembangunan ekonomi, pelancongan dan kepelbagaian budaya di sini.

"Kewujudan UMSKAL di Labuan telah merencanakan pembangunan infrastruktur di sini serta merencanakan pembangunan ekonomi Labuan dari segi keperluan perumahan,



AMANAT: Murnizam (empat kanan), Abdullah (dua kiri), Zaiton (tiga kanan) dan Zamri (dua kanan) bersama pegawai kanan UMSKAL selepas menghadiri Majlis Amanat Pengarah UMSKAL dan Pengenalan Pegawai sempena Majlis Suai Mesra (MSM) Pelajar Baharu Sesi 2019/2020 di Dewan Utama, kelmarin.

pengangkutan dan produk hasil keluaran tempatan.

"Kewujudan UMSKAL di Labuan juga telah menaikkan semangat dan maemotivasikan anak muda tempatan untuk melanjutkan pangajian yang lebih tinggi bagi membina masa depan yang lebih baik," katanya.

Murnizam berkata, selaras dengan visi universiti untuk menjadi sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia,

UMS sentiasa mendorong mahasiswa agar bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti sama ada di peringkat universiti, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Hal ini dapat meningkatkan lagi kualiti kemahiran insaniah mahasiswa. Terokailah semua peluang yang ada demi untuk memajukan diri anda sepanjang menjalani pengajian di sini.

"Selaku pengarah dan wakil pegawai pengurusan kampus

ini, pihak kami akan membantu anda untuk mengecapi setiap kejayaan sepanjang pengajian di kampus ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah UMSKAL dan Pengenalan Pegawai sempena Majlis Suai Mesra (MSM) Pelajar Baharu Sesi 2019/2020 di Dewan Utama, kelmarin.

Turut hadir, Pemangku Dekan Fakulti Komputeran Informatik Profesor Dr Abdullah

Gani, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Profesor Madya Dr Zaiton Osman dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohammad Tuah.

Murnizam berkata, perjalanan hidup bagi seorang pelajar yang bergelar mahasiswa adalah sangat mencabar dan tidak semudah yang disangka.

"Hanyam memerlukan kecekalan dan kesabaran yang tinggi. Segala usaha dan kudrat harus diperkukuhkan kerana tidak wujud istilah jalan singkat dalam mencapai kejayaan," katanya.

Seramai 398 pelajar baharu telah ditawarkan mengikuti pengajian di UMSKAL iaitu 329 orang mengikuti pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), manakala 69 lagi adalah pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Murnizam mengucapkan terima kasih kepada Pembimbing Suai Mesra (PSM) dan kakitangan yang menjayakan program MSM pada kali ini.